



# MAJALAH Melayu.com

PERCUMA MOHON SEBARKAN



## ISU FEBRUARI

### BISNES

Apa yang anda boleh bantu?, baca artikal penuh Sukarelawan.

### BARTER

Pilih senarai barangan yang ingin di barter dan diberi percuma.

### AZAM

Capai sasaran 2021, sertai survey dan hantar azam anda.

19 PROJEK | 2020-2029 | RM 1 TRILLION | GLOBAL | TERBUKA | JARIAH

# ISI KANDUNGAN

|                                    |    |
|------------------------------------|----|
| Objektif .....                     | 02 |
| Temubual bersama<br>Selemann ..... | 05 |
| Bisnes .....                       | 07 |
| Fungsi Bisnes .....                | 09 |
| Direktori Bisnes .....             | 13 |
| Karya .....                        | 17 |
| Karya Pilihan .....                | 19 |

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| Artikel .....                 | 37 |
| Islam .....                   | 39 |
| Projek Kuliah .....           | 41 |
| Sedekah .....                 | 43 |
| System Barter .....           | 47 |
| Azam .....                    | 49 |
| Maklumbalas<br>Pengguna ..... | 53 |

## TERBARU BULAN INI

### UMUM

- Ahli kini boleh menggunakan avatar di profil masing-masing
- Laman utama kini memaparkan kandungan terkini daripada setiap projek
- Pembukaan Shopee di [shopee.com.my/melayu.com](https://shopee.com.my/melayu.com)
- Tshirt Melayu.com "Signature" telah siap dan boleh dibeli
- Pelbagai bug fixes dan penambahbaikan antara muka
- Perjumpaan Zoom
- Sukarelawan
- Pelancaran Projek Sedekah - Barter

### MAJALAH

- Majalah Melayu.com kini mengikut format majalah dan bukan "power point"
- Beberapa temuduga telah dibuat dan dimasukkan ke dalam edisi ini
- Beberapa bisnes telah bersetuju mengiklankan perniagaan mereka
- Majalah kini menyenaraikan Direktori Bisnes
- Majalah kini menyenaraikan Karya Pilihan

### BISNES

- Ahli boleh mendaftarkan bisnes orang lain (Sukarelawan)
- Pemilik bisnes boleh menuntut Bisnes yang didaftarkan oleh Sukarelawan
- Pemilik bisnes boleh mengiklankan kerja kosong secara percuma
- Kedai
- Direktori Bisnes
- Video Usahawan

### KARYA

- Pertandingan Karya bulan Oktober - Disember
- Kategori karya baru yang boleh dibuat secara bersiri iaitu Novel, Cerpen, Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dan Ulasan Buku
- Penghantaran Karya oleh "Ahli Dipercayai" (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator
- Komen bagi setiap Karya akan dipaparkan di Sembang Karya & Hiburan
- Jual
- Videografi
- Pertandingan 1 Jan – 31 Mac 2021

### SEMBANG

- Sembang terkini dipaparkan di halaman utama
- Topik terkini dipaparkan di halaman utama Sembang
- Penghantaran topik oleh "Ahli Dipercayai" (level 3) dan ke atas tidak perlu kelulusan Moderator

### ISLAM

- Pelancaran projek Islam dengan fungsi Kuliah
- Wakil Masjid dan Surau boleh menghantar jadual kuliah (Kuliah)
- Masjid At-Taqwa, Kg. Paya Lebar
- Surau Ar-Raudhan, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

### SEDEKAH

- Pelancaran Projek Barter

### AZAM

- Azam
- Bisnes

# OBJEKTIF

**MELAYU.COM ialah satu projek<sup>1</sup> untuk meningkatkan taraf kehidupan Bangsa Melayu<sup>2</sup> dengan menggunakan Teknologi Maklumat<sup>3</sup> secara strategik dan bersepadu<sup>4</sup>**

1. Projek ini dibangunkan bukan sahaja untuk interaksi secara online malah secara offline menerusi penglibatan komuniti, pelaksanaan program dan aktiviti.
2. Peningkatan taraf kehidupan sebagai individu, kumpulan sasar dan bangsa daripada pelbagai aspek termasuklah Ilmu pengetahuan, agama Islam, kewangan, perniagaan dan sikap.
3. Melayu.com akan dibangunkan sebagai "Super App" dan akan dimajukan secara berterusan menggunakan teknologi seperti AI, Big Data, AR/VR dan Blockchain.
4. Pelbagai sasaran yang ditetapkan akan dicapai menerusi usaha bersama dan maklumbalas daripada pengguna Melayu.com.

# INFO



# 19 PROJEK

11/2020



## SUPER APP MELAYU.COM

- BUSINESS • CULTURE • COMMUNICATION • HEALTH • SMART LEGAL
- INFORMATION MANAGEMENT • SOFTWARE • WEB • ENTREPRENEURSHIP
- SEARCH • COMMUNITY • HELP • JOB • DIRECTORY • SOCIAL MEDIA
- PERSONALIZATION • OPEN SOURCE • HISTORY • PERSONAL SUCCESS
- ROBOTICS • FINANCIAL SUCCESS • COLLABORATION • CHARITY
- KNOWLEDGE MANAGEMENT • ARTIFICIAL INTELLIGENCE • MEDIA SHARING
- MOBILE APP • SERVICES • CONTENT MONETIZATION • MARKETING
- FOOD SECURITY • MENTORING • POLITICS & POWER • MARKETPLACE
- PAYMENT • ASSET ACCUMULATION • CROWDSOURCING • PLATFORM
- GAMES • CREATIVE CONTENT • EMBEDDED TECH
- WOMAN EMPOWERMENT • E-COMMERCE • AND MORE...



**Melayu.com**

# AZAM

**KONGSI DAN CAPAI AZAM  
ANDA DI MELAYU.COM**



Sila beri maklumbalas dan komen  
anda menerusi soal selidik

---

[melayu.com/survey/azam](https://melayu.com/survey/azam)

# TEMUBUAL BERSAMA

## Mengapa orang Melayu perlu memperbaiki diri sendiri?

Pada pendapat saya orang Melayu sebenarnya tiada beza dengan bangsa lain daripada segi kemampuan, pengetahuan dan kapasiti. Namun begitu pada saya orang Melayu secara amnya masih tidak mencapai prestasi dan pencapaian yang sepatutnya. Oleh itu, kita tiada pilihan lain selain daripada memperbaiki diri sendiri. Melihat keadaan ekonomi dunia yang semakin tidak menentu dan politik negara kita yang makin tidak stabil tentunya akan menyebabkan mereka yang hidup susah akan menjadi lebih susah lagi.

Ramai orang kita yang rasa kita sebenarnya tuan di negara kita sendiri. Sebagai tuan tanah, kita rasa kita layak untuk diberi kelebihan dan faedah berbanding dengan orang lain. Ini memang hak kita tetapi kita perlu mengukur apa pencapaian kita sebenarnya. Hak tuan tanah itu satu tapi pada saya ianya tidak mencukupi. Pencapaian kita tidak seberapa sebenarnya, meskipun kita adalah majoriti di negara kita, mempunyai kuasa politik dan menguasai jentera pembangunan kerajaan. Meskipun ramai yang berjaya dan menjadi jutawan, tersangat ramai lagi yang hidup susah, terpinggir dan merempat di negara sendiri.

Cuba lihat apa industri yang dikawal oleh orang kita? Antaranya ialah makanan halal, fesyen muslim, kosmetik tempatan, makanan kesihatan viral, pembekal kerajaan, kontraktor kecil, peniaga kecil, jual online, agen jualan itu ini dan artis.

Lihatlah berapa banyak lagi industri yang masih jauh daripada pegangan kita. Kita tiada kuasa di dalam industri pembangunan hartanah, shopping mall, financial markets, kilang, otomotif, pelaburan kewangan, perladangan, franchisor, kuari dan import/export. Kita lihat berapa banyak kedai yang dikuasai oleh orang lain termasuklah pendatang asing. Kedai karpet, money changer, kedai tomyam, kedai tayar, aksesori kereta, kedai barangan IT, kedai tekstil di Jalan TAR, kedai gunting rambut dan khidmat potong rumput. Berapa ramai daripada kita yang memiliki syarikat awam (Public Listed Companies)? Sasaran Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja gagal dicapai malah rasanya macam sudah dilupakan.

Kebanyakan kita hanyalah pengguna (consumer) dan bukanlah pengeluar (producer) atau pemilik (owner). Oleh itu tidak hairanlah pendapatan kita sangat ciput berbanding dengan mereka yang memiliki perniagaan dan pelaburan. Duit gaji kita habis kita beri kepada kedai dan kita masih lagi tertanya-tanya mengapa tahap ekonomi kebanyakan kita masih berada di tahap yang sama.

Sebenarnya orang kita ada pengetahuan dan kepakaran. Kitalah tenaga kerja dan kepakaran yang menjalankan pelbagai kilang, bisnes, kedai dan pejabat. Tanpa kita, banyak perniagaan akan terhenti, banyak kilang akan tutup dan tiada pelanggan. Tanpa kita tiada penghantaran makanan dan barangan, malah tiada langsung pejabat kerajaan akan dibuka. Kita sebenarnya hanya perlu berubah sedikit sahaja lagi untuk mencapai apa yang kita impikan.

## Apa yang perlu kita ubah?

Kita perlu berubah pada 3 tahap.

## Tahap pertama ialah perubahan pada peringkat individu.

Setiap daripada kita mestilah meningkatkan kemampuan dan prestasi diri sendiri. Setiap hari kita tingkatkan diri dengan ilmu yang baru, perkara yang kita tak pernah cuba dan perbaiki apa jua kelemahan kita. Kita tidak boleh tunggu esok, semua ini perlu dibuat hari ini juga. Saya mencadangkan kita meningkatkan pencapaian kita sebanyak 1% setiap hari.

# SELEMANN (SIRI 5)

Sebagai contoh, sekiranya pendapatan kita ialah RM100 sehari. Jadi hari ini, kita tingkatkan sebanyak 1% menjadi RM101 sehari. Esok kita tingkatkan lagi sebanyak 1% menjadi RM102 sehari. Sekiranya peningkatan ini berterusan, selepas 365 hari, pendapatan harian anda akan meningkat sebanyak 38 kali ganda menjadi RM3,800 sehari. (Pada awalnya hanya RM100 x 30 hari = RM3,000 sebulan. Kini RM3,800 x 30 hari = RM 114,000 sebulan). Bayangkan peningkatan 1% sehari nampak kecil tapi selepas sesuatu tempoh ianya menjadi sangat ketara dan memberi impak yang besar.

## Tahap kedua ialah perubahan pada peringkat organisasi.

Organisasi merujuk kepada pelbagai persatuan, syarikat, koperasi, alumni atau kumpulan yang tidak formal seperti persatuan peminat motor, kereta atau fotografi.

Apa yang perlu kita lakukan ialah setiap organisasi perlu membuat lebih daripada sebelumnya. Kita perlu membantu bukan sahaja ahli organisasi kita, malahan orang lain juga. Sebagai contoh persatuan alumni sekolah biasanya hanya sekadar membuat gathering dan aktiviti sosial seperti bersukan. Persatuan alumni ini boleh membuat sesuatu yang lebih memberi impak seperti membantu meningkatkan pendapatan sesama ahli. Maksud saya kita kongsi kepakaran, pengetahuan dan kemampuan sesama ahli persatuan. Saya dapati persatuan sebegini jarang membantu ahli-ahli sedangkan mereka inilah kawan kita sama-sama membesar di sekolah, asrama mahupun universiti.

## Tahap ketiga ialah perubahan pada peringkat bangsa.

Secara keseluruhannya orang Melayu mesti bersatu dan mempunyai tujuan yang sama. Saya tahu memang mustahil untuk kita bersetuju dalam semua benda. Tetapi kita mesti bersepakat sekurang-kurangnya dalam perkara meningkatkan tahap ekonomi dan pendapatan orang kita. Kempen membeli barangan orang kita adalah satu perkara yang baik, cuma ianya tidak mencukupi dan masih di tahap yang rendah. Kita patut contohi orang Korea dan Turki yang sangat kuat menyokong perniagaan, produk dan perkhidmatan sendiri berbanding dengan barangan luar.

Mungkin kita patut contohi bagaimana komuniti pelabur Reddit bersepakat dan bersama-sama melawan Wall Street Hedge Funds? Jika selama ini Billionaires dan Hedge Funds yang sentiasa menang, kini terbukti Retail Investors walaupun kecil tetapi apabila bersatu berjaya menggoncang ego dan membuktikan penindasan selama ini.

## Bagaimana Melayu.com boleh menjayakan perkara ini?

Melayu.com telah dan akan membangunkan pelbagai projek, sebagai contoh projek Bisnes dan Azam. Kita berharap projek ini dapat dibangunkan secara berterusan dan digunakan dengan lebih meluas lagi. Saya berharap tuan/puan dapat mendaftarkan dan mempromosi bisnes menerusi projek Bisnes di Melayu.com. Kita juga berharap projek Azam dapat membantu individu, organisasi dan bangsa kita untuk mencapai apa yang diimpikan.

Kita berazam, kita berusaha, kita berdoa.. Insya Allah berjaya.

# BISNES

---

MEMBANTU  
PERNIAGAAN  
BANGSA MELAYU

---

# INTRO BISNES

Projek Bisnes merupakan projek pertama di Melayu.com bertujuan untuk membantu perniagaan Bangsa Melayu dalam pelbagai segi termasuklah ilmu bisnes, peningkatan jualan, pengurusan kewangan, nasihat mentor dan mengembangkan perniagaan. Projek ini menyasarkan perniagaan yang berdaftar dan juga tidak berdaftar seperti gerai, sambilan, dropship, agen dan sebagainya.

Sasaran projek ini ialah mewujudkan usahawan berjaya daripada pelbagai industri. Kita juga mahu meningkatkan budaya bantu-membantu, perkongsian ilmu dan mewujudkan rangkaian perniagaan yang kuat. Perniagaan orang Melayu boleh jauh lebih maju sekiranya kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, bijak dan bermuafakat.

## SASARAN



## ROADMAP



# DIREKTORI

Langkah pertama projek Bisnes ialah mewujudkan Direktori Bisnes bangsa Melayu. Semua perniagaan orang Melayu dipelawa untuk mendaftar di direktori ini.

Direktori ini penting supaya bukan sahaja untuk tujuan carian, pengiklanan dan menjalin kerja sama, tetapi pemilik bisnes boleh menggunakan fungsi lain yang akan dibangunkan nanti. Sebagai contoh, fungsi Azam Bisnes, Pengurusan Kewangan, Kedai dan Pemilikan Harta apabila siap dibangunkan nanti boleh dimanfaatkan oleh Bisnes yang berdaftar.

- Daftar Bisnes anda secara percuma
- Daftarkan Produk dan Perkhidmatan anda secara percuma


\*Pendaftaran Bisnes adalah tertakluk kepada terma dan syarat Melayu.com.

# CARI

Fungsi Cari membolehkan carian ringkas seperti “kedai makan di Bangi”. Manakala fungsi carian canggih akan dibangunkan supaya kita boleh membantu Bisnes yang memerlukan. Sebagai contoh:

- Cari “kedai makan yang asyik rugi sejak 3 bulan lalu”
- Cari “pekebun nenas md2 yang mempunyai lambakan nenas tidak terjual”
- Cari “peniaga asnaf LZS yang baru bermula dan jualan masih sangat sedikit”
- Cari “ibu tunggal yang menjual kuih secara sambilan di Bangi”


Adalah diharapkan, fungsi Cari ini dapat membantu bisnes Melayu supaya lebih berkembang dan berjaya.



# FEED

Pemilik bisnes boleh menghantar post / iklan yang akan dipaparkan di ruangan Feed. Iklan, promosi, pengumuman pembukaan kedai dan peluang perniagaan boleh dihantar di ruangan ini.

> Pemilik bisnes boleh menghantar Post bagi bisnes anda (percuma)




# SUKARELAWAN

Memulakan dan memiliki bisnes bukannya satu perkara yang mudah. Oleh itu, Melayu.com ingin memupuk semangat bantu-membantu. Individu, persatuan, NGO dan organisasi lain dipelawa mendaftarkan bisnes orang lain secara sukarelawan.

Masih ramai lagi pemilik bisnes yang kurang arif tentang Internet dan Digital Marketing. Sebagai contoh, gerai nasi lemak dan kuih-kuih di tepi jalan biasanya tidak wujud di dalam Internet.

Kebiasaannya kita bantu mereka dengan membeli barangan mereka, tetapi jika kita mendaftarkan bisnes mereka di Melayu.com, lebih ramai lagi orang akan tahu.

> Sebagai Sukarelawan, anda daftarkan Bisnes orang lain atas semangat bantu-membantu



## FUNGSI BISNES


Post Oleh  
Pemilik Bisnes

Cari Produk &  
Perkhidmatan

Bisnes Anda

Membantu Daftar  
Bisnes Orang Lain

Daftar Bisnes



# PESAN

Bagi Bisnes yang tiada website / shopee / lazada / ecommerce, banyak yang menerima pesanan secara Whatsapp atau PM tepi. Fungsi Pesan membolehkan pemilik bisnes mencipta borang pesanan dan URL borang pesanan ini diberi kepada pelanggan.

Seterusnya butiran pesanan akan disimpan dan ini memudahkan daripada segi pengurusan pembelian dan penghantaran tersebut. Maklumat pembelian ini juga akan berguna nanti untuk fungsi yang bakal dibangunkan iaitu Azam dan Pengurusan Kewangan.

- Pemilik bisnes boleh mencipta borang Pesan (percuma)

**Posts**  
Post ini akan dipaparkan di halaman [Feed](#)

Hantar Post untuk iklan, pengumuman atau tawaran jualan. Post boleh ditag dengan Produk.

[+ Tambah Posts](#)

**Pesan**  
Cipta dan share borang pesanan untuk mudah menjual.

Hantar Pesan untuk memudahkan jualan produk.

[+ Tambah Pesan](#)

My Bisnes > kedai makan sedap

**Tambah Borang Pesanan**

Nama

Nombor Whatsapp

Nama bank

Nama pemegang akaun bank

Nombor akaun bank

Aktif  
☐ Ya  
Hanya form Aktif akan disenaraikan.

# KERJA

Fungsi Kerja membantu pemilik bisnes mengiklankan kerja kosong. Kerja juga membantu pengguna mencari kerja kosong yang bersesuaian dengan kelayakan masing-masing.

4. Borang Pesanan Dev Syd Inc.  
[0](#)

5. Borang Pesanan Dev Syd Inc.  
[0](#)

[+ Tambah Pesan](#)

**Kerja**  
Posting kerja untuk bisnes anda.

Pegawai Sumber Manusia

[+ Tambah Kerja](#)

Feed Cari My Bisnes Lagi

My Bisnes > Dev Syd Inc.

**Daftar Kerja**

**Maklumat Kerja**

Nama Jawatan

Keterangan Jawatan

Kelayakan Jawatan

Jenis Kerja

# DIREKTORI BISNES



## 1. MUSAFIR SENI

Lukisan Mural/ Lukisan Kanvas

IG: @musafirseni\_

Website

[https://www.instagram.com/musafirseni\\_/](https://www.instagram.com/musafirseni_/)



## 2. Melayu.com.

T-shirt Exclusive Melayu.com

0143376763



## 3. Like Chikang Premium

#likechikang

#likechikangpremium

#likechikangKL

Kuala Lumpur, Federal Territory of  
Kuala Lumpur, Malaysia



## 4. Kosmetik , Kecantikan, Kesihatan

Produk mesra wuduk Nurraysa

0132659337

IG: @mawarmk

FB: @Mawarlah.mk

# DIREKTORI BISNES



8. Firdaus Zulikram Resources  
Keterangan: Membeli dan Menjual Emas  
No Tel: 0132989193  
FB/IG: @emasfzrawang



9. HANI PRELOVE  
Original Zara Brand  
No Tel: 0129780156  
FB: @Haniazman



10. HANI PRELOVE  
Corduroy Shirt  
No Tel: 0129780156  
FB: @Haniazman



11. DeeJayKahwin Dot Com  
Keterangan: Perkhidmatan sewaan  
pa system, karaoke, deejay, emcee dan  
pengurusan majlis untuk sekitar  
Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.  
No Tel: 01162099363  
FB: @djkahwinpasystem  
IG: @pasystemkaraoke



5. Susu Kambing Segar Bangi  
NARIN Susu Kambing  
0139850225  
FB/IG: @susukambingsegarbangi

DECIDE ON YOUR OWN CHOCO JAR CRISPY WITH TOPING @Choco\_taiping

FLAVOR  
• CHOCO  
• STRAWBERRY  
• WHITE CHOCO

**RM 10 Only**

MINI KRUNCH  
BUBBLE RICE  
MILO  
KITKAT  
OREO  
BUENO

CHOCO CRISPY

Contact us :  
ws : 011-5184 5861  
ig : choco\_taiping

6. Dyna Abdullah  
Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd  
No Tel: 01151845861  
FB: @chocotaiping  
IG: @choco\_taiping

**Gulai Nasi Dagang EXPRESS**

MUDAH • CEPAT • SEDAP

**Bahan-bahan**  
Bawang merah, bawang putih, halia, lengkuas, kunyit, rempah nasi dagang, santan, asam keping, cili kering, garam dan gula, belacan, biji halba dan nisan kerek

**Berat : 420gm  
Harga : RM 18 (sm)  
Saiz Hidangan : 4-5 Orang**

**Cara Penyediaan**  
• Masukkan 250ml air, PES Ekspres, ikan kukus, cili api (10 tangkai) dan cili merah (2 tangkai) ke dalam periuk.  
• Rebus sehingga mendidih selama 10-15 minit.  
• Sedia untuk dihidang

**Penyediaan Ikan Kukus**  
• 2/3 keping ikan tongkol, air separas ikan, 1 sudu teh gula, 1/2 sudu teh garam, 3 keping asam keping dan 3 sudu teh cuka direbus didalam periuk sehingga ikan masak (10 minit)

**013-984 0225** **Dapur Che' Teh**

6. Dapur Che' Teh  
Sedap Terangkat  
0139840225  
FB: @DapurCheTeh  
IG: @dapurcheteh

Search in shop

deenagadishopper  
Active 2 minutes ago

3.5 / 5.0 Shop Rating  
75 Followers  
82% Chat performance

Shop Products Categories Po

Hai dear, tahu tak \*deenagadishopper\* kini dibuka?  
👉👉👉

ig  
•choco.taiping  
•deenagadishopper.shaklee  
•garage.deena

Shop Link: [shopee.com.my/deenagadget](https://shopee.com.my/deenagadget)  
Verified Accounts

Popular Latest Top Sales Price

Knitwear murah murah  
Local Seller  
RM8.00


Knitwear murah murah  
Local Seller  
RM8.00

7. Knitwear bundle  
Keterangan: Knitwear bundle ☑  
No Tel: 01151845861  
Website: <https://shopee.com.my/deenagadget?smmt=0.0.9>



#### 12. Chess Coaching

Keterangan: Mendidik anak-anak bermain catur  
No Tel: 0166981802



#### 13. Dyna Abdullah

Keterangan: Nothing can make you happier with delicious choco jar crispy and nice clothes for ootd  
No Tel: 01151845861  
FB: @chocotaiping  
IG: @choco\_taiping



#### 14. Markethink+

Digital Marketing Expert  
0167471713  
<https://markethinkplus.com>  
FB: @markethinkplusmy  
IG: @markethinkplus\_

Join sertai  
Melayu.com  
Daftar Bisnes Anda  
Secara Percuma!

# KARYA

---

MENGHIMPUN KARYA  
MELAYU DAN MENJANA  
EKONOMI KREATIF

---

# INTRO KARYA

Projek Karya bertujuan meningkatkan taraf Bahasa Melayu dengan menghimpun karya dan menjana ekonomi kreatif. Disamping karya berbentuk sastra seperti sajak, pantun, novel dan cerpen, projek Karya juga ingin memajukan karya kreatif seperti komik, fotografi, lukisan, ilustrasi dan videografi.

Projek ini juga berhasrat untuk menjana pendapatan menerusi karya seperti penjualan novel mengikut bab dan fungsi langganan bulanan. Pelbagai fungsi lain yang mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu akan dibangunkan seperti kamus dan games.

## SASARAN



## ROADMAP



**KATEGORI – Pantun**  
**TAJUK: Malaysiaku**  
**USER: Chelntan**

Masyhur Malaysiaku indah nian,  
 Pelbagai bangsa adat berbilang,  
 Semangat waja satu tujuan,  
 Cintakan negara patriotik diulang

Negara Malaysia tanahairku,  
 Bersih indah kebanggaan semua,  
 Aman sentosa bertambah maju,  
 Cerlang negara di mata dunia

Meriah suasana pelancong datang,  
 Melawat berkunjung doldrum khatulistiwa,  
 Kekal sentosa damai dan tenang,  
 Itulah Malaysia negaraku tercinta

Makmur negara stabil ekonomi,  
 Aman tenteram tiada gangguan,  
 Isu negara bijak ditangani,  
 Maslahat rakyat jadi keutamaan



[melayu.com/k/malaysiaku/73](https://melayu.com/k/malaysiaku/73)

Desa dan kota indah nan permai,  
 Udara segar terasa nyaman,  
 Nuansa kaum toleransi disemai,  
 Bersatu-padu erat perpaduan

Rencam makanan limpahan rezeki,  
 Bumi tercinta berladung hasilan,  
 Luas rahmat syukur Ilahi,  
 Rendah hati tanda kehambaan

Kota sejarah jadi tinggalan,  
 Sampai kini jadi bualan,  
 Zaman gemilang dilupa jangan,  
 Negara merdeka dalam kenangan

Indah pesona si bunga raya,  
 Jadi kebanggaan rakyat Malaysia,  
 Jasa ditabur azam dicita,  
 Tanda cinta kepada negara

Jalur gemilang kibar angkasa,  
 Merdu kemandang lagu negaraku,  
 Memupuk toleransi menyatu bangsa,  
 Kobar niatan semangat baharu

Teguh berdiri tugu negara,  
 Tinggi megah kelompok arca,  
 Semangat nasionalisme memori tercipta,  
 63 tahun Malaysia merdeka

Berilmu beramal amanah dipatuhi,  
 Tanda setia bakti negara,  
 Kukuh persaudaraan jalin harmoni,  
 Malaysia prihatin rakyat sejahtera



**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Dunia kecil tanpa seragam sekolah**  
**USER: FatinRahman**

*Sepuluh dekad lamanya aku berjuang  
pada tangan kanan mereka  
ada pena hitam  
dalam genggamannya kiri mereka pula  
ada sehelai kertas lama  
baunya masih segar*

*aku gembira  
meski hanya angka 123 terucap  
abjad ABC dibunyikan  
dan keinginan membara*

*" kami tetap mahu belajar"*  
*ditulis pada sehelai kertas kosong.*

**Fatin Rahman, Sabah**

**12/11/2020**



[melayu.com/k/dunia-kecil-tanpa-seragam-sekolah/137](https://melayu.com/k/dunia-kecil-tanpa-seragam-sekolah/137)



**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Diam yang mungkin**  
**USER: Shafiq3**

adakala diam itu baik  
 adakala perlu bersuara  
 agar tiada kekhilafan berlaku  
 yang terjadi tetap terjadi  
 tak mungkin berpatah untuk perbetulkan..  
 mengalah, membenarkan, membiarkan  
 .. itulah jalan yang diambil  
 hilang tetap hilang  
 takkan bersambung ikatan yang dulu  
 bagaikan darah dan nadi  
 aku sangat bersyukur,  
 berdoa agar ikatan itu kejap,  
 tak terputus..  
 walaupun sedikit menghunjam  
 menindih-nindih laut tenang beremosi..

mungkin mengacip bicara  
 ketika disoal itu lebih baik  
 dari disungkurkan dengan rencah persoalan  
 selagi bernama manusia  
 pasti terpalit luka dan duka  
 .. membuat pilihan  
 terkadang ia menjadi salah  
 kebenaran yang mahu dijalarkan  
 rupanya seperti jelaga  
 bertitikhitam yang mengembang,  
 rusuh bertelut dalam diam..

211220  
 3.10 a.m  
 selango



[melayu.com/k/diam-yang-mungkin/143](https://melayu.com/k/diam-yang-mungkin/143)



**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Kembali**  
**USER: AzibHasim**

Biar bertahun lalu,  
 Kau terbang pergi jauh dari ku,  
 Aku di sini sendiri,  
 Menunggu kau kembali.

Kini kau kembali,  
 Membawa angan misteri,  
 Ditemani rasa curiga,  
 Ku terlihat kau bersama dia.

Ku terjatuh hiba,  
 Mengenangkan kita bersama,  
 Melakar lukisan cinta,  
 Yang membawa sejuta makna.

Kita gembira bersama,  
 Berduka bersama,  
 Setiap titisan duka mu,  
 Ku tadah selalu,  
 Bahu yang ku beri,  
 Mudahnya kau lupa.

Pemergian mu sentiasa ku nanti,  
 Ternyata ku hanya sendiri,  
 Menunggu yang tak akan kembali,  
 Hancurnya hati ku ini.

Tak usah engkau kembali lagi,  
 Andainya engkau berubah hati.  
 Tiada ruang untuk mu lagi,  
 Biarlah ku bahagia sendiri.

-Azib Hasim-



[melayu.com/k/kembali/142](https://melayu.com/k/kembali/142)



**KATEGORI – Sajak & Puisi**  
**TAJUK: Mencarimu**  
**USER: Nadhrahhusna**

Mencarimu  
 Di suatu titik yang paling indah  
 Di tengah-tengah badai menengadah  
 mencerlung sebuah kehidupan  
 yang tidak pasti di mana hujungnya  
 Mengulit mimpi dan jaga  
 Hidupku tidak lebih daripada  
 Sebuah sahara kontang  
 daripada setitik kedamaian  
 Mencari kepuasan  
 di tengah-tengah ketandusan  
 Hati...  
 Tidak bertemu...  
 Titik itu...  
 Terlalu sukar untuk kugapai  
 Walau sering bibir mengukir tawa

Mencarimu  
 Di celah-celah kegelapan malam  
 Di tengah cahaya terang terik mentari  
 Kelompangan jua yang mengisi  
 Ditumpas badai kehangatan  
 di pelukan dunia

Mencarimu...  
 Masih ku berdikit-dikit  
 Mengemis sebuah kemaafan  
 Dari-Mu ya Tuhan  
 Melerai sebuah kekusutan  
 Di dasar hati  
 Mengharap ketulusan, kebeningan...  
 pengorbanan persis Ibrahim a.s  
 Agar dikau, wahai kebahagiaan  
 dapat kucicipi  
 dengan penuh ketenangan  
 sakinah, mawaddah dan rahmah  
 jua mutmainnah.

Lakaran rasa,  
 Nadhrah Husna



[melayu.com/k/mencarimu/145](https://melayu.com/k/mencarimu/145)



**KATEGORI – Dialek**  
**TAJUK: Asal Usul Loghat Pahang**  
**USER: Chikang**

Loghat Pahang sangat unik dan sesetengahnya sukar untuk difahami. Ini kerana loghat Pahang dikatakan berbeza diantara satu daerah dengan satu daerah yang lain sehingga ada yang mengatakan loghat Pahang terjadi mengikut arus sungai Pahang yang mengalir.

Loghat Pahang bagi daerah-daerah di hulu sungai adalah lebih laju ataupun dipanggil lebih deras seperti derasnya air mengalir dari hulu sungai.

Manakala loghat Pahang bagi daerah-daerah di hilir sungai lebih perlahan dan lembut seperti perlahannya aliran air di hilir sungai.

Gaya lenggok dan bahasa loghatnya sukar untuk diajuk walaupun sesama penduduk senegeri.

Berikut contoh mudah bagi loghat utama bagi 3 daerah yang banyak menggunakan loghat Pahang dalam pertuturan harian:

**Contoh ayat : -**

**Kenapa awak balik lambat hari ini?**

**Sudah hampir satu jam saya menunggu awak di sini.**

### **Kuala Lipis**

Meknyeh aok balik  
lambat arineh?  
Doh dekat seja keh  
menunggu aok desineh.

tuturnya lebih laju

### **Temerloh**

Ngape awak balik  
lambat haghini?  
Doh ampir sejam koi  
nunggu awak desineh.

tuturnya agak sederhana laju  
dan intonasi lebih menekan

### **Pekan**

Nape engka balik  
lambat harini? Doh  
dekat sejam aku  
menunggu engka  
kat sini.

tuturnya agak perlahan  
dan berleenggok #



[melayu.com/k/asal-usul-loghat-pahang/144](https://melayu.com/k/asal-usul-loghat-pahang/144)



Dalam banyak-banyak tudung, tudung apa boleh berjoget?

**Jawapan : xxxxxx xxxxxx xxxx**

**USER: RabiatulHassan**



[melayu.com/k/dalam-banyak-banyak-tudung-tudung-apa-boleh-berjoget/141](https://melayu.com/k/dalam-banyak-banyak-tudung-tudung-apa-boleh-berjoget/141)

Gajah lalu titi patah. Selepas itu kambing pula lalu. Apa yang patah pula?

**Jawapan : XXXXX XXXXX**

**USER: FAWII**



[melayu.com/k/gajah-lalu-titi-patah-selepas-it-kambing-pula-lalu-apa-yang-patah-pula/2](https://melayu.com/k/gajah-lalu-titi-patah-selepas-it-kambing-pula-lalu-apa-yang-patah-pula/2)

Coklat apa tak boleh lari ?

**Jawapan : XXXXXXXXXX**

**USER: MUHAIZI**



[melayu.com/k/coklat-apa-tak-boleh-lari/20](https://melayu.com/k/coklat-apa-tak-boleh-lari/20)



**TAJUK: Asal Usul Loghat Pahang**  
**USER: Chikang**




[melayu.com/k/mount-kota-kinabalu-view/131](https://melayu.com/k/mount-kota-kinabalu-view/131)



**TAJUK: Belon Panas Pagi UPM**  
**USER: Gentayan**



[melayu.com/k/belon-panas-pagi-upm/139](https://melayu.com/k/belon-panas-pagi-upm/139)



## Coronavirus

Coronavirus adalah satu keluarga besar virus yang menyebabkan jangkitan saluran pernafasan seperti Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS) dan Middle East Respiratory Syndrome-related Coronavirus (MERS-CoV). Coronavirus terbaharu dan menjadi pandemik di seluruh dunia kini dikenali sebagai Novel Coronavirus 2019 (COVID-19).

COVID-19 telah mula dikesan di negara China dengan kes pertama disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei, China. Dalam tempoh tiga (3) minggu seterusnya, kes-kes disahkan di Thailand, Nepal, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura, Perancis, Vietnam, Malaysia, Australia, Canada, Cambodia, Sri Lanka dan Jerman. Kes pertama di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020. Sehingga kini, penyakit COVID19 masih lagi menular di Malaysia.

Sejak 20 September 2020, Malaysia sudah memasuki permulaan gelombang ketiga COVID-19 susulan peningkatan mendadak kes jangkitan virus COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa terus menjalankan program dan aktiviti kawalan dan pencegahan bagi membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

## Bagaimanakah COVID-19 Merebak?

Cara penularan novel coronavirus COVID-19 daripada individu kepada individu yang lain adalah melalui titisan dari hidung atau mulut yang tersebar apabila seseorang yang dijangkiti COVID-19 batuk atau bersin. Titisan ini melekat pada objek dan permukaan di sekelilingnya. Orang lain yang menyentuh objek atau permukaan ini mempunyai risiko mendapat jangkitan COVID-19 apabila beliau menyentuh mata, hidung atau mulutnya selepas menyentuh permukaan/objek yang tercemar. Seseorang itu juga boleh dijangkiti COVID-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit COVID-19 yang batuk, bersin atau bercakap dalam jarak yang dekat. Itulah sebabnya amat penting untuk mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter daripada orang yang bergejala.


KKM sentiasa mengawasi perkembangan jangkitan ini dan mengemas kini maklumat penyakit ini dalam laman sesawang KKM. Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

sumber dari :

<http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19-kkm>



## LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN WABAK COVID-19



01

Kemaskini maklumat berkenaan **COVID-19** setiap hari


02

Amalkan kebersihan tangan dan diri



03

Amalkan jarak sosial



04

Dapatkan penilaian kesihatan jika tidak sihat atau kontak rapat kepada kes positif **COVID-19**




05

**KEKAL SIHAT :**  
Kekal aktif,  
makan secara sihat,  
bijak tangani stres,  
tidak merokok



myhealthkkm

SCAN ME



**TAJUK: Pemandangan Matahari Terbit dari atas Feri**  
**USER: Sabiha**



[melayu.com/k/pemandangan-matahari-terbit-dari-atas-feri/136](https://melayu.com/k/pemandangan-matahari-terbit-dari-atas-feri/136)



**TAJUK: Enaknya!**  
**USER: nazhmk**



[melayu.com/k/enaknya/126](https://melayu.com/k/enaknya/126)



**TAJUK: Teman kecil**  
**USER: RabiatulHassan**



[melayu.com/k/teman-kecil/140](https://melayu.com/k/teman-kecil/140)

# KATEGORI KARYA

TEKA-TEKI

PANTUN

SAJAK & PUISI

CERPEN

NOVEL

RESIPI

KOMIK

CERITA LAWAK

SURAT

PETUA & TIPS

ULASAN BUKU

LUKISAN & ILUSTRASI

DIALEK

FOTOGRAFI

HAIKU





**Melayu.com**

# **PERTANDINGAN KARYA KREATIF**

TEMPOH PERTANDINGAN 1 JAN - 31 MAC 2021

**Sajak, Pantun, Teka-teki,  
Cerpen, Resipi dan lain-lain**

# **HADIAH MENARIK MENANTI ANDA**

**Pemenang  
1, 2 & 3  
Bawa Pulang  
RM100 & T-shirt  
Melayu.com**

**Pemenang  
4 & 5  
Bawa Pulang  
RM50 & T-shirt  
Melayu.com**

**Pemenang  
6 HINGGA 10  
Bawa Pulang  
T-shirt  
Melayu.com**

## **CARA PENYERTAAN**

### **LANGKAH 1 :**

Daftar sebagai pengguna dan hantar karya anda ke Melayu.com

### **LANGKAH 2 :**

Karya yang mempunyai like yang terbanyak akan dinobatkan sebagai pemenang


# SEMBANG


---

MENYEDIAKAN  
RUANGAN DISKUSI  
ILMIAH DAN BERADAB

---

# KATEGORI SEMBANG





# SUKARELAWAN BUSINES

Sukarelawan adalah salah satu fungsi di dalam Projek Bisnes. Sukarelawan bisnes ialah individu ataupun agensi yang menolong usahawan mendaftar bisnes mereka di dalam laman sesawang Melayu.com. Objektif Sukarelawan ialah untuk membantu bisnes-bisnes orang Melayu. Lagi-lagi untuk bisnes kecil yang tiada platform untuk promosikan produk atau perkhidmatan mereka.

**Contoh situation :** Mak Cik Kiah seorang peniaga nasi lemak di tepi jalan. Ali merupakan seorang sukarelawan bisnes. Ali membantu mendaftarkan bisnes Mak Cik Kiah di laman sesawang Melayu.com. Bisnes nasi lemak Mak Cik Kiah menjadi semakin ramai pelanggan kerana orang ramai mendapat maklumat bisnes Mak Cik Kiah dari Melayu.com

## 1. Siapa yang boleh menjadi Sukarelawan Bisnes?

Sesiapa sahaja boleh menjadi Sukarelawan

## 2. Siapa yang boleh menjadi Usahawan di Melayu.com?

Orang Melayu yang mempunyai apa-apa perniagaan

## 3. Bisnes apa je yang boleh daftar di Melayu.com?

Semua jenis produk dan perkhidmatan

## 4. Macam mana nak mendaftar menjadi sukarelawan?

Daftar sebagai pengguna dan isi butiran bisnes di Projek Bisnes

## 5. Ada bayaran ke yang dikenakan?

Tiada bayaran yang dikenakan ke atas Sukarelawan dan Usahawan

## 6. Apa benefit menjadi Sukarelawan?

Dapat membantu mengembangkan bisnes orang Melayu

## 7. Apa benefit mendaftar bisnes di Melayu.com?

Orang ramai boleh mengetahui dan support bisnes-bisnes orang Melayu di dalam satu platform

## 8. Bagaimana kalau Usahawan yang didaftar dibawah Sukarelawan nak menjadi pengguna di Melayu.com dan ingin menguruskan maklumat bisnes sendiri?

Claim bisnes anda di profile bisnes berkenaan



Antara aktiviti sukarelawan yang melayu.com lakukan.



**T-SHIRT**

**MELAYU.COM**

**DAPATKAN  
SEKARANG**



**shopee.com.my/melayu.com**

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : [admin@melayu.com](mailto:admin@melayu.com)

# ISLAM

---

MENINGKATKAN  
KEFAHAMAN ASAS  
ILMU ISLAM

---

# INTRO ISLAM


Projek Islam bertujuan meningkatkan kefahaman Ilmu Islam memandangkan ramai antara kita yang makin menjauh dari Islam. Projek ini berhasrat untuk menggalakkan pembelajaran ilmu agama dengan format yang lebih mudah, ringkas dan menepati kehendak generasi semasa.

Pendekatan yang baru akan diambil seperti Kuliah alert, Azam untuk beramal, Ceramah pendek dan kuiz agama berbentuk games.

## SASARAN



## ROADMAP





## FUNGSI KULIAH

Senarai kuliah  
mengikut tajuk  
penceramah  
dan tempat

Senarai kuliah  
pilihan

Wakil Masjid & Surau  
isi jadual kuliah



# PROJEK KULIAH

Rasional projek Kuliah ialah menggalakkan orang kita menghadiri kuliah bagi menimba ilmu dan meningkatkan kefahaman Islam. Satu pangkalan data semua kuliah di masjid dan surau di seluruh negara ingin dibangunkan menerusi projek Kuliah ini.

Kebiasaannya jadual kuliah dikongsi secara terhad menerusi Whatsapp, Facebook, papan kenyataan masjid dan pengumuman pada hari jumaat. Jadual kuliah ini tidak terpusat dan tiada fungsi carian, peringatan (reminder) atau notifikasi (alert) apabila sesuatu tajuk kuliah ada dianjurkan (contohnya kursus pengurusan jenazah).

Projek Kuliah dibangunkan bertujuan:

Memudahkan capaian jadual kuliah kerana biasanya dikongsi secara terhad di dalam Whatsapp, FB dan papan iklan masjid

Carian kuliah mengikut tajuk, penceramah dan tempat

Fungsi peringatan untuk pergi ke kuliah yang dibookmark

Fungsi notifikasi apabila sesuatu kuliah tersebut didaftarkan

Fungsi cross-reference iaitu pengguna Melayu.com dengan 'tidak sengaja' ternampak jadual kuliah ketika berkarya, bersempang, berbisnes dsb.

Membuka laluan kepada fungsi lain di dalam projek Islam Melayu.com seperti Masjid, Amal, Kelas dan Sedekah.

Semua wakil / AJK masjid dan surau dijemput untuk mendaftar dan memasukkan jadual kuliah masing-masing.

## Rayuan oleh selemann

Saya memohon bantuan sesiapa yang dapat membantu untuk memperkenalkan kami kepada setiap Jabatan Agama Islam negeri untuk mencadangkan pelaksanaan projek Kuliah ini. Terdapat beberapa JAI Negeri yang telah melaksana projek sebegini dan kami inginkan menjalin kerjasama supaya ianya memberi impak yang lebih besar. Saya doakan Allah SWT memberi ganjaran kepada Tuan/Puan setiap kali peserta menghadiri kuliah dan mendapat ilmu yang bermanfaat. Terima kasih.

selemann@melayu.com

# SEDEKAH

---

MENEKANKAN AMALAN  
BERSEDEKAH KE ARAH  
MASYARAKAT PRIHATIN

---

# INTRO SEDEKAH

## Rasional Sedekah

Projek Sedekah bertujuan untuk menekankan amalan sedekah dan mewujudkan masyarakat prihatin. Projek Sedekah akan membangunkan pelbagai fungsi yang menggalakkan bersedekah serta mewujudkan jaringan penyumbang, penerima dan sukarelawan yang berintegriti.

Projek Sedekah bermula dengan projek Barter. Barter merujuk kepada pertukaran barangan atau perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Hampir setiap daripada kita ada barangan lama atau yang tidak digunakan lagi. Lebih baik jika barangan tersebut dapat diberi kepada mereka yang memerlukan.

Melayu.com tidak mengenakan sebarang bayaran, sebaliknya semua urusan pertukaran dibuat sendiri oleh kedua-dua pihak atas persetujuan bersama.

## SASARAN



## ROADMAP






## FUNGSI BARTER

Iklan barter daripada pengguna

Senarai aktiviti  
- Barter yang di hantar  
- Tawaran yang dihantar


Isi & hantar maklumat barang yang ingin di barter



# LANGKAH MUDAH UNTUK SERTAI **BARTER**



# BARTER



Admin : Wainnaa

Nama Barter / Item : Buku Arab

Keterangan :

1. Kitab Tafsir Fi zilaa lil Quran
  2. Kitab Manhaj Nabawiyyah
- Semua (Used Book)

Kaedah : Mesti Barter



Admin : khairulamri

Nama Barter / Item : Kipas Panasonic

Keterangan :

- Kipas jenama Panasonic yang masih elok. Tidak digunakan lagi kerana tiada tempat untuk diletakkan.
- Keutamaan diberi kepada Anak Yatim, Ibu Tunggal, Rumah Kebajikan dan mereka yang sangat-sangat memerlukan.

Kaedah : Mesti Barter

# TERKINI



Admin : khairulamri

Nama Barter / Item : Baby Carrier + Car seat

Keterangan :

- ▶ Baby Carrier + Car seat jenama Maxi-Cosi yang masih elok. Tidak digunakan lagi kerana anak sudah besar. Keutamaan diberi kepada Anak yatim, Ibu Tunggal, Rumah Kebajikan dan mereka yang sangat-sangat memerlukan.
- ▶ Sedikit comot kerana disimpan dalam stor. Tetapi boleh dibasuh dan dibersihkan.

Kaedah : Beri Percuma



Admin : fawii

Nama Barter / Item : T-shirt Melayu.com

Keterangan:

- ▶ T-shirt Exclusive Melayu.com with printed plastic bag
- ▶ brand New
- ▶ Cotton Combed
- ▶ Unisex Size : S / M / L / XL / XXL / XXXL

Kaedah : Mesti Barter

**Anda mempunyai barangan lama yang ingin disedehkan atau barter?  
Hantarkan menerusi projek barter melayu.com**

# AZAM

---

KEJAYAAN BANGSA  
TERBINA DARIPADA  
KEJAYAAN INDIVIDU


---

# INTRO AZAM

Projek Azam bertujuan untuk membantu orang Melayu mencapai azam atau cita-cita masing-masing. Menerusi projek Azam ini, pengguna boleh menetapkan azam masing-masing dengan jelas dan ditetapkan tarikh sasaran dan seterusnya sekiranya Azam itu dikongsi kepada umum, ianya menjadi 'terpaksa' dicapai dan seterusnya mencapai kejayaan. Diharapkan apabila azam seorang Melayu tercapai


Apa yang cuba dibuat oleh Melayu.com ialah menetapkan azam bukan sahaja azam individu, tetapi azam satu bangsa Melayu. Bayangkan jika kita satu bangsa berazam dan berusaha bersungguh-sungguh mencapai azam tersebut, ia boleh dipanggil satu keajaiban. *When a nation transforms, miracle happens.*

## SASARAN



## ROADMAP






## FUNGSI AZAM

Senarai azam  
- Kemaskini progress

Inspirasi azam yang  
anda boleh contohi

Isi azam anda





# QUIZLY

## CONTEST TIME

1 MARCH - 30 SEPTEMBER 2021



## QUIZLY CONTEST CATEGORIES

### BEST STUDENT

Weekly contest (Top 10 Students)

\*winner are base on the weekly high point

### BEST TEACHER

Monthly contest (Top 20 Teacher)

\*winner are base on the total scored by student

### BEST SCHOOL

Monthly contest (Top 3 SK & Top 3 SMK)

\*winner are base on the total points scored by student



quizly.my



quizly.my



info@quizly.my



www.quizly.my

# MAKLUMBALAS PENGGUNA MELAYU.COM



## OTHMAN

“Pada pendapat saya program barter ini sangat bermanfaat. Saya dapat mengelakkan pembaziran sekaligus dapat membantu orang sekeliling”



## PEJAL

“Kalau aku projek mcm ini ok sangat jadi anak muda boleh kembangkan bakat diaorng. cuma bagi aku buku atau karya tu berbentuk dan digital yang boleh di access di telefon lagi ok. sebab semua lapisan boleh baca”



## HANI

“Usaha yang sangat bagus. bagi berjalan lah projek ni, boleh senangkan orang yang nak cari kuliah dan cari ilmu tentang islam”

Imbas OR code atau layari website kami di Melayu.com dan beri pendapat, maklumbalas dan komen anda menerusisoal selidik projek Melayu.com.



SURVEY  
MELAYU.COM



SURVEY  
BISNES



SURVEY  
KARYA

anda punya  
artikel untuk  
dikongsi?

# KONGSI ARTIKEL

ANDA DI

**admin@melayu.com**

Semoga ilmu yang dikongsi akan memberi  
manfaat dunia dan akhirat



**Susu Kambing Segar Bangi**

**NARIN Susu Kambing**


**0139850225**

**FB/IG: @susukambingsegarbangi**



Markethink+  
Digital Marketing Expert  
0167471713  
<https://markethinkplus.com>  
FB: @markethinkplusmy  
IG: @markethinkplus\_

**Membeli Emas Terpakai  
& Surat Pajak**



**MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN  
KE LOKASI ANDA**

**013-2989193**

# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU MELAYU.COM?

## UMUM

- Mengedarkan Majalah Melayu.com menerusi Whatsapp, Email, dsb.
- Mendaftar sebagai Pengguna (Percuma)
- Memberi sokongan kewangan dengan membeli T-shirt rasmi Melayu.com (Shopee)

## BISNES

- Mendaftarkan perniagaan anda di Melayu.com (Daftar)
- Membantu mendaftar perniagaan orang lain (Sukarelawan Bisnes)
- Menghantar post / iklan bisnes anda (Post & Feed)
- Mendaftar produk / perkhidmatan anda (Produk)
- Mengiklankan kerja kosong (Kerja)

## KARYA

- Membaca karya yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)
- Memberi komen dan kritikan karya (Komen)
- Menghantar karya sastera (Sajak, Pantun, Novel, dsb) dan karya kreatif (Komik, Fotografi, Lukisan & Ilustrasi dsb) (Hantar Karya)
- Berkongsi karya menerusi FB, IG & Twitter (Share Karya)

## SEMBANG

- Mencipta topik di Sembang (Hantar Topik)
- Menyertai diskusi di Sembang (Balas Topik)
- Membaca topik yang dihantar dan memberi maklumbalas (Like, Bookmark, Flag)

## ISLAM

- Wakil Masjid & Surau mendaftar sebagai pengguna (Daftar Pengguna)
- Memohon sebagai wakil / moderator Masjid & Surau (Hubungi Kami)
- Menghantar jadual Kuliah (Hantar Kuliah)
- Bookmark kuliah yang ingin dihadiri (Bookmark Kuliah)
- Menerima Alert sehari sebelum kuliah (My Aktiviti)

## SEDEKAH

- Hantar barang / item yang anda ingin Barter / beri percuma
- Mohon sebarkan kepada mereka yang memerlukan termasuk Rumah Kebajikan / Persatuan / NGO

## AZAM

- Mengisi dan menetapkan azam anda
- Mencapai sasaran azam yang anda tetapkan

**Sebarang pertanyaan dan cadangan, boleh hubungi kami di  
admin@melayu.com**



[www.Kometsoft.com.my](http://www.Kometsoft.com.my) | [info@Kometsoft.com.my](mailto:info@Kometsoft.com.my)

01

## SYSTEM DEVELOPMENT

Enterprise Web Application  
Enterprise Rating and Audit System  
Online Applications Processing

## MOBILE APP DEVELOPMENT

Native App  
Hybrid App  
Secure PDF Distribution

02

03

## COACHING & TRAINING

App Development Training  
& Coaching  
Transfer of Technology

## INTEGRATION SERVICES

FPX, Big Data, Legacy Systems,  
Active Directory, Web Services

04

05

## SPECIALIZED SOLUTIONS

Call Center  
Customer Relationship Management (CRM)  
Microsoft Excel Plug-ins



aws partner  
network  
Consulting  
Partner

ORACLE  
PARTNER



Solution Partner

Expert Application Developer | Since 2003 | Locally Owned | Local Employees | 200+ Successful Projects

RUANGAN IKLAN UNTUK DISEWA | HUBUNGI KAMI DI : [admin@melayu.com](mailto:admin@melayu.com)